أكاديمية الدراسات الإسلامية
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
*Academy of Islamic Studies*

MALAYA
Kuala Lumpur
MALAYSIA

Pengarah
Syariah)
-769 6022

& Ekonomi
-769 6006

Fiqh & Usul
-769 6011

-undang
-769 6003

Pengurusan
-769 6013

Syar'iyyah
-769 6005

ngarah
luddin)
769 6025

Al-Hadith
769 6010

Islam
769 6014

Islam
769 6008

Insan
9 6009

arah
ama)
6030

29 April 2000

Saudara Abdul Razak b Abdul Kadir

Saudara,

**Kelulusan Tajuk Disertasi Sarjana Usuluddin Secara Berkursus dan Disertasi Sesi 1999/2000**

Berhubung dengan perkara di atas dimaklumkan bahawa mesyuarat Jawatankuasa Akademik, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 13.4.2000 telah meluluskan tajuk disertasi saudara Abdul Razak b Abdul Kadir

Tajuk: **Metodologi Pendidikan Tamadun Islam di Sekolah-sekolah Menengah Kuching, Sarawak: Suatu Kajian di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)**

Penyelia: **Prof. Madya Dr Abdul Halim Hj Mat Diah**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(NOOR BAITI BINTI YAHYA)
Penolong Pendaftar
Ijazah Tinggi & Pentadbiran
Akademi Pengajian Islam

s.k Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Ketua Penolong Pendaftar IPSP
Prof. Madya Dr Abdul Halim Hj Mat Diah

/sry
Fail/penyerahan tajuk

أكاديمية الدراسات الإسلامية
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
*Academy of Islamic Studies*



Talian Telefon Terkini
Bahagian Ijazah Tinggi &
Penolong Pendaftar: 03-
Pejabat Am: 03-

MALAYA
Kuala Lumpur
MALAYSIA
03)-769 6000
03)-756 0705

Pengarah
Syariah)
)-769 6002
)-769 6022

ngarah
luddin)
769 6001
769 6025

ngarah
sama)
69 6012
69 6030

30 Mac 2000

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

Tuan,

**SURAT AKUAN**

Adalah dimaklumkan bahawa **Encik Abdul Razak bin Abdul Kadir (IGB99031** No. K/P: **740713135209** adalah calon Sarjana Usuluddin Secara Berkursus dan Disertasi bagi sesi 1999/2000 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang sedang membuat penyelidikannya bertajuk:

> **" METODOLOGI PENDIDIKAN TAMADUN ISLAM: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KUCHING, SARAWAK, (PERINGKAT SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM) ) "**

Saya amat berterima kasih kiranya pihak tuan dapat memberikan apa-apa bantuan berhubung penyelidikannya.

Sekian.

Yang benar,

N.By

**(NOOR BAITI YAHYA)**
Penolong Pendaftar Ijazah Tinggi & Pentadbiran
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

/sry
Fail/surat akuan

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN
PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 03 - 2586900
Fax : 03 - 2554960
Laman Web : http://eprd.kpm.my

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 ( )
Tarikh : 8 Jun 2000.

Abdul Razak b. Abdul Kadir
No: 22 Jalan 1/6, Taman Kembangan Sari
43300 Sri Kembangan,
SELANGOR.

Tuan,

***Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia***

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:

> **"Metodologi Pendidikan Tamadun Islam: Suatu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di Bahagian Kuching, Sarawak (Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) STPM."**

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan negeri yang berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,
**(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)**

b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
BANGUNAN TUN DATUK PATINGGI
TUANKU HAJI BUJANG
JALAN SIMPANG TIGA
93604 KUCHING
SARAWAK

*Telefon*: 082-243201
*FAX*: 082-246750
*Kawat*: PENDIDIKAN



*Ruj. Kami* : 23/JP/140/UL/PENT
*Tarikh* : 13 Jun 2000

bdul Razak bin Abdul Kadir
o. 109 Taman Mawar
ampung Pinang jawa
050 Kuching Utara
rawak

ian,

**emohon Kebenaran Untuk Melakukan**
**nyelidikan Di Sekolah-sekolah Menengah Bahagian Kuching**

alah saya dengan hormatnya diarah menarik perhatian tuan kepada perkara di atas. Surat n bertarikh 13 Jun 2000 adalah berkaitan.

Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa pada prinsipnya Jabatan Pendidikan Negeri awak tiada halangan untuk tuan mengumpul data di sekolah-sekolah berikut. Walau aimanapun sampel guru dan murid adalah tertakluk kepada kebenaran Ketua Jabatan / getua sekolah yang berkenaan.

Tuan adalah dinasihatkan agar mematuhi segala peraturan yang sedang berkuatkuasa membuat kajian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan ar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia seperti pada surat bil. KP(BPPDP) 5 bertarikh 8 Jun 2000. Dengan kelulusan ini Ketua Jabatan/ Pengetua dan Guru Besar enaan adalah dipohon agar memberi bantuan dan kerjasama yang diperlukan bagi jayakan kajian tersebut.

an. Harap maklum.

KHIDMAT UNTUK NEGARA"

yang menurut perintah,

SAN HAJI WA' GANI )
Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan.
engarah Pendidikan.
ak.

sk.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Ketua Jabatan Sejarah & Tamadun Islam
Bahagian Pengajian Usuluddin
Akademi pengajian Islam
UM.

G. R. S. S.

**SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN GREEN ROAD,**
LEBUH SOCKALINGAM,
JALAN GREEN,
93400 KUCHING,
SARAWAK.

**Tel. No. : 082-24354**
**Fax No. : 082-23439**

Tarikh: 14 Julai 2000

**SURAT AKUAN PENYELIDIKAN**

Adalah disahkan bahawa Abdul Razak bin Abdul Kadir, Mahasiswa Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya telah melakukan penyelidikan di SMK Green Road pada 19 Jun 2000 sehingga 11 Julai 2000 bagi tajuk berikut:

**"Metodologi Pendidikan Tamadun Islam: Suatu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di Kuching, Sarawak, (Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM))"**

2. Beliau turut melengkapkan kajian beliau di SMK Green Road melalui kaedah-kaedah berikut:

a). Soal Selidik (Questionnaire)
b). Pemerhatian (Observation)
c). Wawancara (Interview)

Syabas, tahniah dan semoga maju jaya.

Yang menjalankan tugas,

(PN. HJH. HALIMAH Bt. HJ MOHD SAHARI )
Pengetua,
SMK Green Road

" BERSATU KITA MAJU"

olah Menengah Kebangsaan
Abang Haji Openg,
n Malindo,
50 Petra Jaya,
hing, Sarawak.

No. Fax: 447540
Telefon: 447540 (Pejabat A
447285 (Pengetua)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

h: 11.07.2000

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan,

Tuan,

SURAT AKUAN

Dengan ini kami mengesahkan bahawa **Encik Abdul Razak bin Abdul Kadir**, Mahasiswa Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya telah melakukan penyelidikan di Sekolah Menengah Kerajaan Tun Abang Haji Openg pada 19. 06. 2000 sehingga 11 .07 .2000 di bawah tajuk:

> **"Metodologi Pendidikan Tamadun Islam : Suatu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di Kuching, Sarawak, (Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)"**

Sekian Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

AHMAD BIN HAJI HAMDAN)
Pengetua,
SMK Tun Abang Haji Openg,
Kuching.

KOLEJ DATU PATINGGI ABANG HAJI ABDILLAH,
PETRA JAYA,
93050 KUCHING.



*Telefon:* 4406

*Ruj. Tuan:*

*Ruj. Kami:* KRU/07/05/005 ( 11 )

*Tarikh:* 11 Julai 2000

Kepada,

*"SESIAPA YANG BERKENAAN"*

Tuan,

## SURAT AKAUN

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Abdul Razak Bin Abdul Kadir**, Mahasiswa Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya telah melakukan penyelidikan di Kolej ini seperti butiran yang disenaraikan di bawah.

2.1 Tajuk Penyelidikan : "Metodologi Pendidikan Tamadun Islam : Suatu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Kuching, Sarawak, [ Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ]"

2.2 Tarikh Penyelidikan: 19 Jun 2000 hingga 11 Julai 2000

ekian.

*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "*

a yang menurut perintah,

**WANG KOK OMAR AWANG TAIB ]**
olong Kanan I
ej DPAH Abdillah, Kuching

: Encik Abdul Razak Bin Abdul Kadir
No. 109, Taman Mawar,
Kampung Pinang Jawa,
93050 Petra Jaya, Kuching.

# Surat Pengurniaan Taraf Bandaraya Kepada Majlis Perbandaran Kuching Dan Petra Jaya

Oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar, D.K. Yang Di Pertuan Agong.

Tandatangan
Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang
Di Pertuan Agong

(Mohor Kerajaan)

BAHAWASANYA telah dipersembahkan kepada Kami bahawa rakyat dan Kerjaan Negeri Sarawak ingin membunuhkan Majlis Perbandaran Kuching dan Petra Jaya, Ibu Negri Sarawak (sempadan kawasan secara lebih trpinci adalah seperti dalam Pelan Berjenis Jabatan Tanh dan Ukur No.60371A yang disimpan di Pejabat Pengarah Tanah dan Ukur Sarawak) sebagai sebuah Bandaraya :

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, Maka ketahuilah bahawa adalah melalui Piagam DiRaja Kami ini mengisytiharkan, menubuh dan memerintahkan bahawa Majlis Perbandaran Kuching dan Petra Jaya, Ibu Negeri Sarawak hendaklah mulai 1 hb. Ogos, 1988, dan buat selama-lamanya, menjadi sebuah Bandaraya bernama dan bergelar "Bandaraya Kuching" dengan mempunyai segala taraf, kuasa-kuasa, kebebasan dan hak istimewa yang tertentu bagi sebuah Bandaraya;

Dan lagi ketahuilah bahawa Kami dengan penuh kepercayaan di atas kebijaksanaan saudara Kami yang dikasihi Tuan Yang Terutama Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor, S.S.M., D.P., D.U.N.M, P.N.B.S., B.M., ADIPRADANA (Indon.), Yang Dipertua Negeri Sarawak, mengurniakan kuasa penuh atas nama Kami bagi mengisytihar dan mengumumkehendaki Kami ini.

Dikurniakan di Istana Negara, KualaLumpur pada ...... haribulan ..................., Tahun Hijrah Nabi Muhammed S.A.W. Seribu Empat Ratus ........... bersamaan dengan .......... haribulan .................. Tahun Masihi Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Lapan.

# *Catatan Peristiwa Penting*

1839 • Pengambara Inggeris, James brooke, buat pertama kali belayar mudik Sungai Sarawak.

1841 • James Brooke menjadi Rajah Sarawak pertama.

1848 • Bendera pertama Sarawak dikibarkan di Kuching, di hadapan rumah kediaman James brooke.

1851 • Gereja pertama, St. Thomas dibina di tapak gereja yang ada sekarang.

1856 • Borneo Company ditubuhkan dengan pejabatnya di Bukit Mata Kuching.

1870 • Istana yang ada sekarang siap dibina oleh Rajah yang kedua.

1872 • Kuching diberi nama oleh Rajah yang kedua.

1874 • Bangunan Mahkamah digunakan sebagai pusat pentadbiran. Mesyuarat Dewan Undangan Negeri diadakan di sini sehingga tahun 1973.

1880 • Kubu Marhgerita yang sekarang ini menjadi Muzium Polis dibina untuk melindungi bandar daripada serangan dan untuk menambahkan kecantikannya.

1881 • Getah yang pertama di Sarawak ditanam di Jalan Sekama.

1883 • Menara jam dibina di hadapan Bangunan Mahkamah.

1890 • Satu-satunya Padang Lumba Kuda, yang digunakan sehingga, dibina.

1891 • Muzium Sarawak dibuka untuk menempatkan dan mempamerkan hasil-hasil kesenian dan pertukangan tempatan.

1895 • Beca pertama tiba dari Singapura.

1900 • Perkhidmatan telefon diperkenalkan.

1905 • Wayang gambar mula ditayangkan.

1907 • Motokar (dua tempat duduk jenis Conventry Humber10-12 kuasa kuda) dibawa ke Kuching oleh Pengurus Borneo Company, J.M. Bryan.

1909 • Bangunan Pavilion dibuka sebagai Ibu Pejabat Perubatan.

1912 • Perkhidmatan bas yang pertama dimulakan di sepanjang Jalan Rock.

1912 • Pembukaan Limbungan Brooke di Kuching.

[illegible] • Landasan keretapi dibuka kepada orang awam, menghubungkan pusat bandar dengan batu 10 melalui Jalan Keretapi sekarang.

• Perkhidmatan Pos dan Telegraf diperkenalkan dengan adanya pembinaan tiang wayarless di Jalan Rock. Perhubungan wayarles antara Kuching dan Singapura dapat dilaksanakan.

1923
- Lampu elektrikk digunakan selepas pembinaan stesen kuasa di Jalan Power.

1924
- Chartered Bank dibuka di Kuching.
- Memorial Charles Brooke bertempat di hadapan Bangunan Mahkamah siap dibina.
- Kapal terbang yang pertama mendarat di Kuching.

1926
- Jambatan Gantung di Satok dirasmikan.

1931
- Pejabat Pos di buka.

1934
- Lembaga Perbandaran Kuching mula beroperasi sebagai Jabatan kepada Kerajaan Pusat.
- Panggung wayang Kuching yang pertama, Panggung Wayang Sylvia, menayangkan cerita The King Kong, pada malam perasmiannya. Pada mulanya penggung wayang ini hanya dibuka kepada pemonton lelaki.

1939
- Kuching mempunyai Balai Polis yang pertama
- Perkhidmatan Penyiaran Sarawak memulakan operasinya, menyiarkan terutamanya berita dan propaganda.

1953
- Majlis Perbandaran Kuching menjadi kuasa kerajaan tempatan yang berautonomi.

1954
- Sekretariat yang kedua di Jalan Barrack

1956
- Radio Sarawak ditubuhkan.
- Majlis Perbandaran Kuching mengadakan pilihanraya bebas yang pertama.

1961
- Pembentukan Lembaga Pelabuhan Kuching.

1963
- Pejabat dan depot Lembaga Air Kuching siap dibina.

1968
- Masjid Negeri yang baru, siap dibina.

1970
- Pembukaan Hosiptal Umum Sarawak yang baru di Jalan Rock.

1975
- Pembukaan rasmi Jaambatan Datuk Patinggi Hj. Abdul Rahman Ya'kub.

1976
- Pembukaan rasmi Holiday Inn.
- Pembukaan rasmi Bangunan Abdul Rahman, Dewan Undangan Negeri dan Lapau di Petra Jaya.

1983
- Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di buka
- Pembukaan rasmi Stadium Negeri Sarawak di Petra Jaya.

1985
- Wisma Saberkas, Komplex Pasaraya dan Pejabat, dirasmikan.
- Mahkamah Syariah di Jalan Satok dibuka dengan rasminya.

1986
- Pesta Kuching, dirayakan pertama sekali.

1988
- Mesyuarat terakhir Majlis Perbandaran Kuching pada 29 Julai.
- Kuching menjadi bandaraya pada 1 Ogos.




(1) Court House – 1874
(2) Indian Mosque – 1876
(3) Sarawak Club – 1876
(4) Residency
(5) New Borneo Co. premises – 1877
(6) Prison – 1877
(7) Fort at Pankalan Batu – 1879
(8) Fort Margherita – 1879
(9) Malay Mosque, rebuilt about
(10) R.C. Mission – 188.
(11) New Hospital – 1882
(12) Police Station – 1882
(13) Rajah's Stables – 1885
(14) Dispensary (Round tower) – 1886
(15) Ong Family House, built about 1886
(16) S.P.G. Mission new Boy's School – 1886
(17) R.C. Convent – 1886
(18) Ewe Hai Street – 1886
(19) S.P.G. Girl's School – 1887
(20) Bandstand on Esplanade
(21) Rajah's Arms Hotel
(22) Gambier Rd, built between 1879 & 1894
(23) Carpenter Street Temple – 1889




| | |
|---|---|
| (1) Museum – 1891 | (13) Sarawak Union Club – 1899 |
| (2) Thompson Road – 1891 | (14) Khoo Hun Yeang St – 1901 – 1902 |
| (3) R.C. Chapel – 1891 | (15) Government Lay School – 1902 |
| (4) Wayang Theatre – 1891 | (16) Bukit Mata – 1903 |
| (5) Curator's House – 1892 | (17) Pavilion 1907 – 1909 |
| (6) Sarawak Club, rebuilt – 1893 | (18) Curator's Office – 1907 |
| (7) Rest House – 1893 | (19) Second Ladies Club – 1906 |
| (8) Orchid House – 1894 | (20) [illegible] – 1908 – 1911 |
| (9) New R.C. Mission Sch[illegible] – 1894 | (21) Kmark, new Sarawak Club – 1911 |
| (10) New Blacksmith's Houses – 1894 | (22) Chinese Court – 1911 1912 |
| (11) Ewe Hai St. Temple – 1895 | (23) Hokkien Free School – 1911 |
| (12) First Ladies Club – 1896 | (24) S.P.G. Headmaster's House |

## KAWASAN DI DALAM PENTADBIRAN DBKU SEBELUM DAN SELEPAS PEMBESARAN SEMPADAN




KUCHING 1988

# Present Day Kuching




*This map does not indicate the true boundaries of Kuching City North & Kuching City South, which had been extended beyond what are shown here.*

INDEX

- ora Hotel .......... 39
- gunan EPF .......... 59
- gunan Jepun .......... 34
- gunan MAS .......... 46
- gunan Setok .......... 19
- gunan Tunku Abdul Rahman .......... 13
- k Negara, Mahkamah Syariah .......... 20
- A .......... 10
- op House .......... 38
- ral Police Station .......... 35
- ntry View Hotel .......... 54
- t House .......... 33
- Istana .......... 14
- Kuching Municipal Council .......... 36
- Kolej D.P.A. Haji Abdillah .......... 8
- KPA Tanah Putih .......... 67
- Kubu Margherita .......... 15
- Kuching Plaza .......... 40
- Market .......... 31
- Masjid Negeri .......... 29
- Muzium Sarawak .......... 24
- Normah Medical Specialist Centre .......... 16
- Pejabat Pos .......... 37
- Permata Food Centre .......... 45
- Sekolah Latihan STM .......... 3
- SESCO .......... 7
- SMB Kuching High .......... 47
- SMB St. Joseph .......... 27
- SMB St. Mary .......... 26
- SMB St. Teresa .......... 28
- SMB St. Thomas .......... 25
- SMK Bandar Kuching No. 1 .......... 53
- SMK Batu Lintang .......... 56
- SMK Green Road .......... 51
- SMK Lumba Kuda .......... 64
- SMK Chung Hua No. 1 .......... 66




Lokasi SMK Green Road

SMK GREEN ROAD
Pelan Sekolah Menengah




TUNJUK

Pintu Masuk Utama
Pintu Belakang
Pintu Jalan Pisang Selatan

Blok Seni Perusahaan
Blok 3
Blok Makmal Menengah Rendah
Dewan
Blok Pentadbiran
Blok 1
Blok 2
Blok Makmal Menengah Atas
Blok KBSM
antin
tor Buku
erek
andas
elanggang Tenis
elanggang Serbaguna

1: 1000

| BIL | SEKOLAH | JENIS SEK (KOD) | MAJLIS DAERAH (KOD) | JUMLAH MURID | JUMLAH PELAJAR STPM | JUMLAH PELAJAR STPM IKUT KAUM | | JUMLAH PELAJAR ALIRAN SASTERA STPM | | TING 6 ATAS SAINS | TING 6 ATAS SAS | JUMLAH GURU | GURU TING 6 ATAS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | BUMI | NON | BUMI | NON | | | | |
| 1 | KOLEJ D P A HJ ABDILLAH | 1 | 1 | 777 | 72 | 50 | | 50 | | 22 | 50 | 61 | 15 |
| 2 | KOLEJ TUN ABDUL RAZAK | 1 | 3 | 1378 | 73 | 73 | | 73 | | | 73 | 74 | 9 |
| 3 | SMK BANDAR KUCHING NO 1 | 1 | 1 | 2342 | 42 | 13 | 29 | 13 | 29 | | 42 | 109 | 6 |
| 4 | SMK BATU LINTANG | 1 | 1 | 2508 | 55 | 33 | 22 | 33 | 22 | | 55 | 125 | 11 |
| 5 | SMK D P H ABDUL GAPUR (INTEG) | 1 | 1 | 1705 | 89 | 71 | 18 | 71 | 18 | | 89 | 108 | 15 |
| 6 | SMK GREEN ROAD | 1 | 1 | 2397 | 153 | 22 | 131 | 21 | 49 | 82 | 71 | 123 | 17 |
| 7 | SMK ST JOSEPH (M) | 1 | 1 | 1846 | 139 | 43 | 96 | 43 | 33 | 60 | 79 | 95 | 18 |
| 8 | SMK ST THOMAS (M) | 1 | 1 | 1218 | 168 | 45 | 123 | 44 | 60 | 64 | 104 | 82 | 20 |
| 9 | SMK TUN ABANG HJ OPENG | 1 | 1 | 2527 | 83 | 83 | | 83 | | | 83 | 118 | 11 |
| 10 | SMKA SHEIKH OTHMAN ABD WAHAB | 2 | 3 | 906 | 34 | 34 | | 34 | | | 34 | 70 | 10 |
| | JUMLAH | | | 17604 | 908 | 467 | 419 | 465 | 211 | 228 | 680 | 965 | 132 |

MAJLIS DAERAH

1 DEWAN BANDARAYA KCH UTARA
2 MAJLIS BANDARYA KCH SELATAN
3 MAJLIS DAERAH PADAWAN

JENIS SEKOLAH

1 BIASA
2 AGAMA
3 TEKNIK/VOKASIONAL
4 BERASRAMA PENUH

**BILANGAN PELAJAR/PENGAJAR KAJIAN KES I, II DAN III SESSI 2000***

| SEKOLAH | BIL. KESELURUHAN PELAJAR | BIL. PELAJAR TG. ENAM | BIL. PENGAJAR KESELURUHAN | BIL. PENGAJAR TG. ENAM | BIL. PENGAJAR SEJARAH STPM |
|---|---|---|---|---|---|
| SMK G.ROAD (KES I) | PAGI = 1382<br>PETANG = 1022<br>JUMLAH 2104 | 6 REN =78<br>6 ATAS =152<br>JUMLAH =230 | 101 | 32 | KERTAS I = 1<br>KERTAS II = 1<br>JUMLAH = 2 |
| SMK TAHO (KES II) | PAGI =1265<br>PETANG =1219<br>JUMLAH =2484 | 6 REN =48<br>6 ATAS =84<br>JUMLAH =132 | 192 | 14 | KERTAS I = 1<br>KERTAS II = 1<br>JUMLAH = 2 |
| KOL. DPAHA (KES III) | PAGI =817<br>JUMLAH =817 | 6 REN =45<br>6 ATAS =78<br>JUMLAH =123 | 65 | 14 | KERTAS I = 1<br>KERTAS II = 1<br>JUMLAH = 2 |

*DATA SEHINGGA 13 JULAI 2000

gian A: Tamadun Mesopotamia, Tamadun Mesir, Tamadun Hwang Ho, Tamadun Mohenjo Daro Harappa, Tamadun Arab, Tamadun Yunani, Tamadun Rom, Tamadun Graeco-Roman, Tam India, Tamadun China, Tamadun Melayu, dan Tamadun Barat.

| Tema | Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Wa |
|---|---|---|---|---|
| anusia dan asyarakat | 1.1 Masyarakat Prasejarah | Asia, Eropah, dan Afrika | | 8 |
| | 1.1.1 Prasejarah Awal dan ciri-cirinya | | (i) Masyarakat pemungut, pemburu, dan penangkap ikan<br>(ii) Penyesuaian diri dengan alam sekitar seperti pakaian, makanan, dan tempat tinggal | |
| | 1.1.2 Prasejarah Akhir dan ciri-cirinya | | Masyarakat inovatif: penternakan, pertanian, petempatan, dan teknologi | |
| | 1.2 Kemunculan tamadun<br>1.2.1 Petempatan<br>1.2.2 Perbandaran<br>1.2.3 Organisasi sosial<br>1.2.4 Kepercayaan dan agama | Mesopotamia, Mesir, Hwang Ho, Mohenjo Daro dan Harappa, Arab, Yunani, Rom, Melayu, dan Barat | Persamaan dan perbezaannya. Kaitkan juga dengan tamadun Inca, Maya, dan Aztec | |
| rintahan ntadbiran | 2.1 Pembentukan negara kota | Arab, Yunani, Rom, Melayu | (i) Ciri-ciri negara kota<br>(ii) Proses dan perkembangannya | 16 |
| | 2.2 Pembentukan empayar | Mesopotamia, Yunani, Rom, India, China, dan Melayu | (i) Ciri-ciri empayar<br>(ii) Proses dan perkembangannya | |
| | 2.3 Pembentukan negara bangsa | Barat | (i) Ciri-ciri negara bangsa<br>(ii) Proses dan perkembangannya | |
| | 2.4 Bentuk pemerintahan<br>2.4.1 Beraja | Mesir, India, China, dan Melayu | (i) Ciri-ciri pemerintahannya<br>(ii) Persamaan dan perbezaannya<br>(iii) Struktur | |
| | 2.4.2 Republik | Yunani dan Rom | | |

| Tema | Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | W |
|---|---|---|---|---|
| | 2.5 Pentadbiran<br>2.5.1 Pusat<br>2.5.2 Wilayah | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | (i) Ciri-ciri pentadbiran<br>(ii) Persamaan dan perbezaannya<br>(iii) Struktur | |
| etahanan dan rtahanan | 3.1 Konsep<br>Ketahanan diri dan fizikal<br>3.2 Organisasi | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | (i) Kekuatan mental dan psikologi<br>(ii) Kekuatan fizikal dan peralatan senjata tentera<br>(iii) Taktik dan strategi<br>(iv) Jenis tentera | 1 |
| onomi | 4.1 Konsep dan sistem ekonomi<br>4.2 Pembangunan ekonomi | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | (i) Sara diri<br>(ii) Komersil, perdagangan, dan kapitalisme<br>(i) Prasarana: contohnya perhubungan, pengangkutan, institusi kewangan, gudang, limbungan, kemudahan-kemudahan pelabuhan, dan bazar<br>(ii) Sistem kewangan, cukai dan perbendaharaan | 10 |
| idikan | 5.1 Konsep pendidikan<br>5.2 Dasar pendidikan<br>5.3 Institusi pendidikan | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | Pendidikan yang berasaskan akal dan pancaindera:<br>(i) Agama<br>(ii) Sekular<br>(i) Matlamat dan peringkat<br>(ii) Proses<br>(iii) Perubahan, kesinambungan, dan perkembangannya<br>(i) Jenis institusi: contohnya tempat ibadat, istana, rumah guru, sekolah, kolej, dan universiti<br>(ii) Kaedah pengajaran dan pemelajaran: formal dan tidak formal | 18 |

| Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Waktu |
|---|---|---|---|
| 5.4 Kurikulum | | (i) Bidang: kemasyarakatan dan kemanusiaan, bahasa, kesusasteraan dan kesenian, sains dan teknologi, dan agama<br>(ii) Kokurikulum: contohnya seni mempertahankan diri, berkuda, memanah, teater, dan muzik<br>(iii) Disiplin: adab, peraturan dan tatatertib untuk guru dan murid | |
| 6.1 Konsep ilmu | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | Pengertian ilmu:<br>(i) menurut ahli-ahli falsafah Yunani, China, dan Rom<br>(ii) menurut tokoh-tokoh agama<br>(iii) menurut golongan sekular | 20 |
| 6.2 Sumber ilmu | | (i) Akal dan pancaindera: penelitian, pengamatan, pencerapan dan penyelidikan<br>(ii) Sumber lisan dan tulisan<br>(iii) Sejarah | |
| 6.3 Perkembangan dan sumbangan | | (i) Pertembungan berbagai-bagai tamadun meningkatkan aras keintelektualan<br>(ii) Bidang ilmu: falsafah, astronomi, matematik, astrologi, pertukangan, kejuruteraan, perubatan, dan undang-undang<br>(iii) Aliran: humanisme, nasionalisme, rasionalisme, individualisme, dan absolutisme | |
| 7.1 Konsep<br>7.2 Asal usul | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | Pengertian penjelajahan dan penerokaan<br>(i) Tujuan:<br>(a) Peningkatan ilmu<br>(b) Penyebaran agama<br>(c) Kegiatan perdagangan | 10 |

| Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Waktu |
|---|---|---|---|
| | | (ii) Tokoh: Marco Polo, Christopher Colombus, Ferdinand Magellan, Vasco da Gama, Cheng Ho, dan I Ching | |
| 7.3 Pencapaian dan sumbangan | | Pencetusan dan penyebaran ilmu: ilmu pelayaran dan geografi | |
| 8.1 Konsep | Mesopotamia, Mesir, Arab, Graeco-Roman, India, China, Melayu, dan Barat | Pengertian kesenian | 8 |
| 8.2 Pencapaian dan sumbangan | | Bidang: kesusasteraan, muzik, seni bina, seni ukir, kaligrafi, seni lukis, dan teater | |

| ema | Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Waktu |
|---|---|---|---|---|
| usia dan arakat | 1.1 Manusia | Zaman Jahiliah, zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah, India, China, Andalusia, dan Alam Melayu) | (i) Konsep manusia Jahiliah: percaya kepada kehidupan dunia<br>(ii) Konsep manusia mengikut al-Quran | 8 |
| | 1.2 Ummah | | Konsep ummah | |
| | 1.3 Perkembangan masyarakat | | Perubahan masyarakat: daripada masyarakat berkabilah kepada ummah yang lebih terbuka, iaitu pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun selepas itu berlaku perpecahan, namun umat Islam masih bersatu dari segi akidah. | |
| ntahan ntadbiran | 2.1 Sistem pemerintahan | Zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan zaman Khalifah al-Rasyidin | (i) Berasaskan Syahifah Madinah yang dipandu oleh wahyu, termasuk musyawarah<br>(ii) Struktur pemerintahan | 16 |
| | 2.2 Kepemimpinan | | Ciri-ciri kepemimpinan: bertakwa, beriman, berakhlak, mengetahui siasah,dan sejahtera | |
| | 2.3 Institusi khalifah | | (i) Takrif khalifah<br>(ii) Sistem pemilihan:<br>(a) Musyawarah<br>(b) Baiah | |
| | 2.4 Bentuk pemerintahan negara-negara Islam | Zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah, India, China, Andalusia, dan Alam Melayu) | Konsep: persamaan dan perbezaan<br>(i) Khalifah<br>(ii) Amir/Nizam/Nawab<br>(iii) Raja/Sultan<br>(iv) Maharaja | |
| | 2.5 Bentuk pentadbiran negara-negara Islam<br>2.5.1 Pusat<br>2.5.2 Wilayah | | Struktur: persamaan dan perbezaan | |

| ema | Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Waktu |
|---|---|---|---|---|
| anan dan anan | 3.1 Konsep | Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah dan Alam Melayu) | | 10 |
| | 3.1.1 Jihad | | Pengertian jihad | |
| | 3.1.2 Peperangan | | Etika dan tatacara peperangan. Contoh diperlukan | |
| | 3.1.3 Kepemimpinan | | Sifat dan nilai kepemimpinan | |
| | 3.2 Organisasi | | (i) Struktur dan pentadbiran ketenteraan<br>(ii) Taktik dan strategi | |
| mi | 4.1 Konsep dan sistem ekonomi | Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah dan Alam Melayu) | (i) Pengertian ekonomi Islam<br>(ii) Sistem ekonomi: baitulmal, cukai, dan aktiviti ekonomi | 10 |
| | 4.2 Pembangunan ekonomi | | Pembangunan ekonomi dalam Islam:<br>(i) Konsep pembangunan, seperti konsep bersepadu<br>(ii) Pembangunan ekonomi, seperti prasarana, bank, perdagangan, dan mata wang | |
| kan | 5.1 Konsep pendidikan | Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah dan Alam Melayu) | Pendidikan yang berasaskan wahyu (al-Quran dan hadis) dan akal (ijtihad) | 18 |
| | 5.2 Dasar pendidikan | | Matlamat dan peringkat (untuk melihat perubahan, kesinambungan, dan perkembangannya) | |
| | 5.3 Institusi pendidikan | | (i) Jenis-jenis institusi: halaqah, masjid/surau, pondok, madrasah, istana, dan universiti<br>(ii) Kaedah pengajaran dan pemelajaran | |

| Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Waktu |
|---|---|---|---|
| 5.4 Kurikulum | | (i) Bidang:<br>(a) Fardu ain (halaqah, masjid surau, pondok dan istana): membaca al-Quran, tauhid, fikah, dan hadis<br>(b) Fardu kifayah (madrasah dan universiti): tasawuf, sains tulen, kemanusiaan dan kemasyarakatan, bahasa, kesenian, dan kesusasteraan<br>(ii) Kokurikulum: contohnya riadah, berkuda, dan latihan ibadat<br>(iii) Tatatertib | |
| 6.1 Konsep ilmu | Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah dan Alam Melayu) | Pengertian ilmu menurut Islam | 20 |
| 6.2 Sumber ilmu | | (i) Wahyu (al-Quran dan hadis)<br>(ii) Akal (ijtihad)<br>(iii) Pancaindera<br>(iv) Sejarah | |
| 6.3 Perkembangan dan sumbangan | | (i) Bidang ilmu: fikah, usuluddin, tasawuf, sains tulen, kemanusiaan dan kemasyarakatan, bahasa, dan kesusasteraan. (Contoh tokoh dalam bidang yang berkenaan diperlukan.)<br>(ii) Aliran: Murjiah, Khawarij, Syiah, Muktazilah, dan Ahli Sunah Waljamaah<br>(iii) Golongan Islah (Ibnu Taimiah dan Ibnu Khaldun): penyebaran dan kesannya | |

| ema | Tajuk | Masa/Kawasan Kajian | Huraian | Waktu |
|---|---|---|---|---|
| lajahan enerokaan | 7.1 Konsep<br><br>7.2 Asal usul | Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah dan Alam Melayu) | Pengertian penjelajahan dan penerokaan<br><br>(i) Tujuan.<br>(a) Peningkatan ilmu<br>(b) Penyebaran agama<br>(c) Kegiatan perdagangan<br>(ii) Tokoh:<br>(a) Ibnu Batuttah<br>(b) Ibnu Mas'udi<br>(c) Ibnu Majid | 10 |
| | 7.3 Pencapaian dan sumbangan | | Pencetusan dan penyebaran ilmu: ilmu pelayaran dan geografi | |
| n | 8.1 Konsep<br><br>8.2 Pencapaian dan sumbangan | Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin, dan zaman selepas Khalifah al-Rasyidin (Timur Tengah dan Alam Melayu) | Pengertian kesenian menurut Islam<br><br>Bidang: kaligrafi, seni bina, seni ukir, seni lukis, dan muzik | 8 |

# PROJEK PENELITIAN MENGENAI METODOLOGI PENDIDIKAN TAMADUN ISLAM: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KUCHING, SARAWAK, (PERINGKAT SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM) )

Tarikh Diisi:........................
Kes No. :........................

Soal selidik ini bertujuan untuk mengumpulkan data tentang "Metodologi Pendidikan Tamadun Islam di Sekolah-Sekolah Menengah di Kuching, Sarawak. (Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ). Hasil daripada penelitian ini baik berupa fakta dan saran-saran akan digunakan untuk penulisan Tesis Sarjana Usuluddin , Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Daftar No:................
*(Nama tidak perlu ditulis)*

1. PRIBADI

a. Bangsa :..................................

b. Agama :..................................

c. Jantina :..................................

d. Umur :..................................

e. Tarikh Lahir :............................

f. Tempat Lahir :...........................

g. Pendidikan :

I. Sila nyatakan sekolah-sekolah yang pernah anda lalui:
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................

II. Kelulusan yang diperolehi:

UPSR : Pangkat/Agregat : ...............................................

PMR : Pangkat/Agregat : ...............................................

SPM : Pangkat/Agregat : ...............................................

h. Dana Pendidikan:*

☐ Biasiswa/Pinjaman

☐ Ibubapa

☐ Lain-lain (Sila nyatakan:...............................................)

**Sila tanda , pada petak yang disediakan*

i. Anda berasal dari :*

☐ Kampung

☐ Bandar

☐ Lain-lain (Sila Nyatakan:..................................................)

j. Tempat tinggal sekarang :*

☐ Asrama Biasa

☐ Asrama Penuh

☐ Rumah Ibubapa

☐ Lain-lain (Sila Nyatakan:..............................................)

2. Latar belakang keluarga:

a. Pekerjaan Bapa :..............................................................................

b. Pekerjaan Ibu :..............................................................................

c. Pendapatan Bapa :*

☐ Kurang daripada RM 500

☐ Antara RM 500- RM 1000

☐ Antara RM 1000- RM 1500

☐ Lebih RM 1500

**Sila tanda / pada petak yang disediakan*

d. Pendapatan Ibu :*

☐ Kurang daripada RM 500

☐ Antara RM 500- RM 1000

☐ Antara RM 1000- RM 1500

☐ Lebih RM 1500

e. Kenderaan yang digunakan oleh keluarga:**

☐ basikal

☐ Motosikal

☐ Kereta

☐ Lain-lain (Sila nyatakan:..............................................)

f. Ahli keluarga pernah/sedang menuntut di Perguruan Tinggi:*

☐ Seorang

☐ Dua orang

☐ Tiga orang

☐ Lebih dari tiga orang (Sila nyatakan:..............................)

* *Sila tanda / pada petak yang disediakan*
****Pilihan boleh lebih dari satu*

g. ikatan dalam kekeluargaan:**

- [ ] Biasa
- [ ] Mesra
- [ ] Akrab
- [ ] Lain-lain (Sila nyatakan:..............................)

h. Keharmonian dalam keluarga:**

- [ ] Menyelesaikan masalah bersama
- [ ] Melakukan kerja secara kolektif (bersama)
- [ ] Mengetahui tanggungjawab masing-masing
- [ ] Lain-lain (Sila nyatakan:.............................................)

i. Cara menyelesaikan masalah:**

- [ ] Terserah individu masing-masing
- [ ] Secara kolektif (bersama)
- [ ] Meminta pandangan ibubapa
- [ ] Lain-lain (Sila nyatakan:.............................................)

* *Sila tanda / pada petak yang disediakan*
****Pilihan boleh lebih dari satu**

j. Disiplin keluarga.**

☐ ditentukan oleh ibubapa

☐ ditentukan oleh saudara tertua

☐ ditentukan oleh individu-individu keluarga

☐ Lain-lain (Sila nyatakan:..............................................)

3. Lingkungan

Adakah anda berpuas hati dengan :
*(Sila tandakan / pada petak yang disediakan (pilihan jawapan hanya satu saja) )*

| | 1<br>amat tidak puas hati | 2<br>tidak puas hati | 3<br>tidak tahu | 4<br>Puas | 5<br>Amat puas |
|---|---|---|---|---|---|
| a. Perpustakaan | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| b. buku rujukan dalam perpustakaan | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| c. bilik bacaan perpustakaan | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| d. layanan pustakawan | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| e. bilik kelas | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| f. Fasiliti dalam bilik kelas | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| g. suasana belajar dalam kelas | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| h. Kebersihan dalam kelas | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |
| i. Rumah/ Asrama* | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ | ☐ |

j. Suasana Persekitaran ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

k. Konsentrasi belajar di asrama/rumah* ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

l. kebersihan Rumah/ Asrama* ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

m. kerjasama ahli keluarga/ teman bilik ketika belajar ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

4. Pembelajaran

*Sila tanda / pada petak yang berkenaan (sila pilih satu jawapan saja)*

a. Dalam Kelas

| | | 1 Tidak | 2 Tidak Tahu | 3 Ya |
|---|---|---|---|---|
| i. | adakah anda minat dengan dengan pelajaran Sejarah (khusus dalam Tamadun Islam). | ☐ | ☐ | ☐ |
| ii. | adakah anda menumpukan seluruh perhatian terhadap kajian Tamadun Islam. | ☐ | ☐ | ☐ |
| iii. | Adakah anda suka bertanya jika tidak faham terutama untuk kajian Tamadun Islam. | ☐ | ☐ | ☐ |
| iv. | Adakah anda mencatat nota penting yang diberikan oleh pengajar. | ☐ | ☐ | ☐ |
| v. | Adakah anda berpuas hati dengan nota yang diberikan. | ☐ | ☐ | ☐ |
| vi. | Adakah anda setuju dengan metod (kaedah) yang digunakan oleh pengajar. | ☐ | ☐ | ☐ |
| vii. | Adakah anda menganggap pelajaran Sejarah (Tamadun Islam) susah | ☐ | ☐ | ☐ |
| viii. | adakah anda yakin dalam memberi argumentasi/pendapat dalam sessi soaljawab/ diskusi kajian Tamadun Islam . | ☐ | ☐ | ☐ |
| ix. | Adakah anda tertekan jika anda tidak tahu tentang kajian yang dibahaskan. | ☐ | ☐ | ☐ |
| x. | Adakah anda meminta pendapat daripada rakan sekelas jika menghadapi sebarang masalah dalam kontak kajian Tamadun Islam. | ☐ | ☐ | ☐ |

b. Luar Kelas

| | 1 Tidak | 2 Tidak Tahu | 3 Ya |
|---|---|---|---|
| i. adakah anda suka belajar secara berdiskusi dalam bentuk kumpulan. | ☐ | ☐ | ☐ |
| ii. adakah anda menelaah semula pelajaran sejarah (kajian Tamadun Islam) selepas kelas. | ☐ | ☐ | ☐ |
| iii. Adakah anda menggunakan buku lain selain daripada buku teks. | ☐ | ☐ | ☐ |
| iv. Adakah anda mengambil waktu yang lama untuk membaca/mengulangkaji kajian Tamadun Islam. | ☐ | ☐ | ☐ |
| v. Adakah kefahaman anda lebih mendalam lagi setelah membuat ulangkaji di luar kelas | ☐ | ☐ | ☐ |
| vi. Adakah anda suka kepada suasana yang tenang sewaktu belajar/mengulangkaji terhadap kajian Tamadun Islam. | ☐ | ☐ | ☐ |
| vii. Adakah anda selalu bersiap sedia sebelum anda masuk kelas | ☐ | ☐ | ☐ |
| viii. adakah anda rasa tertekan jika tidak mampu memahami kajianTamadun Islam. | ☐ | ☐ | ☐ |
| ix. Adakah anda setuju pembelajaran di luar kelas mampu membantu untuk memahami kajian Tamadun Islam dengan memuaskan. | ☐ | ☐ | ☐ |
| x. Adakah anda mengikuti kelas tambahan untuk meningkat kefahaman terhadap kajian Tamadun Islam | ☐ | ☐ | ☐ |

5. Motivasi

*Sila bulat◯ pada nombor yang berkenaan. Nombor yang disediakan ialah 1 2 3 4 5. Jika memilih angka kecil (1) ini bererti anda memilih jawapan amat tidak baik dan jika anda memilih angka terbesar (5), ini bererti anda memilih jawapan amat baik.*

a. Pihak keluarga

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| i. motivasi pihak keluarga untuk kemajuan pendidikan anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| ii. Respon yang anda berikan terhadap motivasi tersebut | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| iii. jaminan daripada keluarga jika anda memperolehi kelulusan yang cemerlang | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| iv. motivasi tersebut bersifat material dan spiritual | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| v. kemudahan yang diberikan sebagai sarana kejayaan anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| vi. komitmen/iltizam yang ditunjukkan oleh keluarga anda dalam memberi motivasi kepada anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

b. Pihak sekolah

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| i.motivasi pihak sekolah untuk kemajuan pendidikan anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| ii.Respon yang anda berikan terhadap motivasi tersebut | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| iii.jaminan daripada pihak sekolah jika anda memperolehi kelulusan yang cemerlang | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| iv.motivasi tersebut bersifat material dan spiritual | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| v.kemudahan yang diberikan sebagai sarana kejayaan anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| vi.komitmen/iltizam yang ditunjukkan oleh pihak sekolah anda dalam memberi motivasi kepada anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| vii.kem motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah dalam memberi ransangan pendidikan anda. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| viii. Kaedah yang digunakan oleh pihak sekolah dalam memotivasikan kecemerlangan pendidikan anda | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

6. Umum

*Jawab soalan dengan jawapan yang ringkas dan padat*

a. Sejauh manakan minat anda terhadap kajian Kertas Tamadun Islam?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

b. Adakah anda tahu bahawa kajian Tamadun Islam merupakan salah satu kursus wajib untuk setiap mahasiswa bagi seluruh Perguruan Tinggi?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

c. Pada tahap manakah anda menguasai kajian Tamadun Islam ?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

d. Kaedah manakah yang terbaik samada belajar sendiri atau berkelompok (berdiskusi) ? Mengapa?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

e. Sebutkan langkah-langkah anda memahami dan menguasai kajian Tamadun Islam?

....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................

f. Menurut anda, adakah kajian Tamadun Islam pada peringkat STPM ini agak luas pembahasannya?

....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................

g. Dan adakah ia menyulitkan anda ?

....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................
....................................................................................................

**Penutup**

Pihak peneliti mengucapkan jutaan terima kasih kepada responden yang menjawab semua pertanyaan di atas. Semua jawapan di atas adalah **Rahsia** dan hanya digunakan untuk pengumpulan data bagi tujuan di atas. Sekian. Terima Kasih.

## Panduan Wawancara untuk Pelajar

**Peribadi**

a. bolehkan anda terangkan tentang latar belakang pendidikan anda?

b. bagaimana tahap kepuasan anda dalam hasil daripada peperiksaan yang anda telah lalui?

c. Apakah kekuatan yang membantu untuk anda dalam peperiksaan?

d. Bolehkan anda terangkan bagaimana anda mengatur masa anda untuk menghadapi peperiksaan?

e. Adakah anda sudah menyiapkan diri dari segi fizikal dan mental untuk berhadapan dengan peperiksaan?

f. Apakah anda bertambah yakin jika ada orang turut membantu menyakinkan diri anda untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan yang akan dilalui seperti ibubapa, guru dan rakan sebaya?

g. Selain dorongan orang terdekat, adakah anda sentiasa berdoa kepada Tuhan agar anda mendapat keputusan yang cemerlang?

h. Bagaimana pandangan anda terhadap sikap percaya diri dalam menghadapi peperiksaan?

Pembelajaran

a. Bagaimana tanggapan anda dengan kajian kertas sejarah?

b. Adakah kajian kertas sejarah ini dalam kategori kertas peperiksaan yang susah/sulit?

c. Bagaimana kaedah yang anda gunakan untuk mempelajari kertas sejarah terutama bahagian Tamadun Islam?

d. Bolehkan anda terangkan tentang strategi pembelajaran yang baik bagi bahagian Tamadun Islam?

e. Adakah strategi yang anda gunakan itu berkesan?

f. Bagaimana tanggapan anda terhadap kaedah yang digunakan oleh pengajar bagi kertas Sejarah?

g. Adakah ia sesuai untuk anda?

h. Adakah anda sering melakukan aktiviti soal jawab bagi persoalan yang memerlukan analisa dengan pengajar anda?

i. Proses analisa memerlukan daya kreativiti yang tinggi, adakah anda sering dibantu oleh pengajar dalam hal ini?

j. Pernahkah anda melakukan analisa peribadi terhadap kajian Tamadun Islam berdasarkan pengalaman anda ?

k. Bagaimana tanggapan pengajar terhadap analisa yang anda buat?

l. Adakah analisa yang anda buat sering kontra dengan analisa yang dibuat oleh pengajar?

m. Bagaimanakah anda mengatasi masalah yang sedemikian rupa?

n. Kaedah pengajaran yang digunakan di dalam kelas adakah banyak membantu anda memahami kajian Tamadun Islam tersebut?

o. Penggunaan buku tambahan (buku rujukan) adalah baik, adakah anda membuat rujukan dengan menggunakan buku yang bervariasi untuk pengukuhan analisa anda?

p. Adakah anda kesulitan untuk memahami konsep analisa yang berbeza daripada buku-buku rujukan tersebut?

q. Adakah buku rujukan banyak memberi manfaat bagi anda?kenapa?

r. Bagi pendapat anda, adakah ada kaedah yang terbaik bagi pembelajaran bagi kertas sejarah terutama Bahagian Tamadun Islam?

s. Apakah target/dsasaran bagi kertas sejarah anda?

**Bagi pihak peneliti mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang ditunjukkan. Segala data yang diberikan adalah bersifat rahsia dan hanya digunakan untuk kajian yanng bersangkutan saja. Sekian. Terima kasih.**

# PANDUAN WAWANCARA

Pengajar

a. Hirerki pendidikan pengajar
b. Adakah pengajar mempunyai latar belakang kepada pendidikan Tamadun Islam secara pengkhususan?
c. Berapa tahunkah berkecimpung dalam dunia pendidikan khususnya dalam kertas Sejarah untuk tingkatan enam?
d. Berapa bahagiankah yang terdapat dalam kertas sejarah dan bolehkan diterangkan setiap bahagian tersebut?
e. Bagaimana ruang lingkup kertas sejarah terutama bahagian Tamadun Islam?
f. Bagaimana pula dengan sumber yang digunakan selain daripada buku teks yang digunakan?
g. Setiap pengajaran yang diajar mempunyai kaedah/metode yang tertentu atau disebut juga dengan pedagogi. Bolehkan diterangkan Pendekatan,kaedah, strategi, teknik dan aktiviti untuk pengajaran kertas sejarah ini. Atas dasar apakah penggunaan kelima-lima elemen yang digunakan tersebut?
h. Dalam penerapan pedagogi pengajaran tersebut, apakah mempunyai kesamaan antara bahagian dalam kertas sejarah atau mempunyai kaedah tersendiri untuk bahagian yang tertentu?
i. Apakah menggunakan metode yang lain dengan menggunakan beberapa pendekatan selain kaedah yang biasa yang digunakan dalam usaha untuk memahami para pelajar terhadap kajian yang dibahas?
j. Dalam sebuah kelas tentunya terdiri daripada beberapa kaum yang sudah tentu berlainan pegangan atau agama. Maka untuk memahami mereka dalam kajian Tamadun Islam apakah para pengajar mempunyai multi kaedah untuk pemahaman tersebut?
k. Apakah setiap pelajar mempunyai kebebasan idea dalam memberi pendapat atau argumentasi dalam sesuatu kajian?
l. Bagaimana sikap pengajar dalam menghadapi pelbagai idea yang dilontar oleh para pelajar?

m. Bagaimanakah tahap analisa yang dibuat apakah dilandasi dengan landasan teoretik untuk pemantapan idea oleh para pengajar?

n. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh para pengajar jika didapati terdapat idea yang kontradikif antara pengajar dan pelajar sedangkan tahap pemikirannya sudah mampu mencapai tahap kerangka teoretik tersebut terutama dalam mengambil sudut pandang atau perspektif daripada mereka?

o. Setiap pengajaran mempunyai objektif tertentu. Pada tahap manakah para pelajar sudah mencapai objektif tersebut?

p. Menurut hemat pengajar, para pelajar lebih cenderung menggunakan kaedah yang mana dalam pemahaman terhadap kertas sejarah bahagian Tamadun Islam?

q. Apakah pengajar setuju bahawa jika seandainya para pelajar mempunyai latar belakang pendidikan agama mampu mencorak pemahaman Tamadun Islam ? Berikan sebab-sebabnya.

r. Dalam aspek sosio pendidikan, terdapat istilah pengaruh lingkungan dalam pendidikan para pelajar. Ia juga mampu mencorakkan pemahaman pola fikir, metodologi dan sebagainya. Apakah pendapat pengajar dalam hal ini terutama yang berhubungan dengan kajian tamadun Islam?

s. Adakah terdapat perbezaan antara pelajar yang berasal daripada desa (kampung) dan yang berasal daripada bandar. Kalau ada, dari aspek manakah perbezaan tersebut?

t. Bagaimana pula pemahaman pelajar yang dikatakan berlainan pegangan seperti etnik Cina, Dayak dan beberapa etnik yang lain terhadap kajian Tamadun Islam?

u. Apakah ada kaedah tersendiri daripada para pengajar terhadap permasalahan di atas kerana kalau dilihat daripada pegangan keagamaan sudah membentuk pola fikir yang berbeza?

v. Apakah ada usaha untuk membentuk satu bentuk kaedah yang mampu diterima oleh semua para pelajar tanpa mengira pegangan, latar belakang sosio budaya dan perbezaan etnik?

## Observasi

a. kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar

b. interaksi antara pelajar dan pengajar

c. suasana pembelajaran

d. melihat metode berfikir pengajar

e. melihat metode berfikir pelajar yang dinilai daripada aspek pelbagai kaum

f. menilai pemahaman pelajar dalam usaha memahami tema yang dibincangkan berdasarkan kategori pelajar cerdas dan sederhana

g. keaktifan pelajar dalam memberi argumentasi

h. melihat penilaian pengajar terhadap argumentasi yang diberikan oleh pelajar

i. lain-lain